

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI DI RAPAT UMUM PERIKATAN DI JESSELTON PADA 20 JULAI 1967

Amatlah sukacita kerana dapat berada di Jesselton pada hari ini dan mendapat peluang bertemu dengan tuan-tuan sekalian. Saya sukacita mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri Sabah, Tun Mustapha; Menteri-menteri dan calon-calon Perikatan yang lain yang telah menang dalam Pilihanraya langsung Sabah pada bulan April yang lalu dan juga tahniah saya kepada tuan-tuan sekalian penyokong-penyokong Parti Perikatan, penyokong-penyokong dan Ahli-ahli USNO dan SCA kerana telah bekerja keras dan kuat untuk kemenangan Perikatan ini. Ketua *Grand Alliance*, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman, dan saya sendiri mengucapkan kepada tuan-tuan sekalian ribuan terima kasih di atas taat setia tuan-tuan dan puan-puan kepada dasar dan perjuangan Perikatan Sabah. Dengan berkat Tuhan dan sokongan serta kerjasama tuan-tuan sekalian Parti Perikatan Sabah telah menang lebih kerusi dari Parti lain dan telah dapat menubuhkan Kerajaan Perikatan yang memerintah Sabah sekarang ini.

Semasa tuan-tuan sibuk dengan pilihanraya, saya berada di Australia kerana lawatan rasmi, tetapi saya telah mengambil perhatian berat tentang pilihanraya Sabah itu. Saya sukacita dan bersyukur kepada Tuhan kerana tuan-tuan semua mendapat kemenangan. Dukacita kerana dulu Sabah Alliance dianggotai oleh 4 parti di Sabah iaitu USNO, UPKO, SCA, dan MIC, tetapi semasa pilihanraya oleh kerana sebab-sebab yang tertentu - dan oleh kerana perselisihan faham politik UPKO yang dulu menjadi anggota Perikatan Sabah telah bertanding atas nama UPKO dan USNO telah bertanding atas nama USNO dan SCA telah bertanding atas nama SCA. Hanya dua tiga kerusi sahaja yang ditandingi atas nama Perikatan. Setelah pilihanraya dan USNO-SCA menang banyak kerusi dari UPKO, Parti UPKO telah merajuk kerana kekalahan ini dan terus mengisytiharkan diri keluar dari Perikatan Sabah dan mereka sekarang menjadi Parti Pembangkang.

Pada masa akhir-akhir ini Parti UPKO berupa sungguh-sungguh sebuah Parti Pembangkang dan telah mengecam Kerajaan Perikatan Sabah dan membuat tuduhan-tuduhan yang bukan-bukan terhadap Kerajaan Pusat. Saya dukacita dengan hal ini tetapi sebagai sebuah Parti Pembangkang mereka bolehlah berbuat demikian tetapi yang menyedihkan ialah kerana UPKO cuba hendak 'mengelirukan' setengah-setengah golongan rakyat Sabah dan jika ini tidak diperhatikan dengan cermat perbuatan UPKO ini boleh menimbulkan salah faham antara kaum-kaum dalam negeri ini dan menimbulkan kacau bilau. Saya memberi amaran kepada pemimpin-pemimpin parti UPKO seperti juga saya memberi amaran kepada parti-parti pembangkang yang lain di mana-manapun dalam Malaysia supaya jangan menyalahgunakan kebebasan bercakap, berpolitik, dan bersurat khabar yang dijamin kerana faedah-faedah yang sempit dengan tidak kira akibat buruk kepada negara dan orang-orang lain. Kerajaan Pusat dan saya sendiri

menggalakkan 'opposition' dan pembangkang yang taat setia dan bertanggungjawab tetapi Kerajaan tidak akan segan-segan dan tidak akan 'tolerate' lagi terhadap perbuatan-perbuatan sama ada secara langsung atau tidak langsung; memang di rancangan untuk 'memindahkan' atau 'memisahkan' taat setia dan sangka baik rakyat kepada Kerajaan Pusat dan menghasut supaya mereka benci kepada Kerajaan Pusat. Perbuatan ini adalah salah, dan Kerajaan akan mengambil perhatian yang berat dan tindakan terhadap sesiapa dan mana-mana golongan pun yang berbuat demikian.

UPKO telah menuduh yang Kerajaan Pusat kononnya telah tidak melaksanakan dengan adil dan sebenar-benarnya "20 perkara" dan jaminan-jaminan kemasukan Sabah dalam Malaysia dan yang Kerajaan Pusat telah memesongkan Perjanjian Antara Kerajaan atau '*Inter-Governmental Committee Report*'. Tetapi ini adalah tidak benar, kerana Kerajaan Pusat telah menjalankan Perjanjian itu seperti yang dikehendaki oleh semangat perjanjian itu. Perbuatan UPKO menuduh Kerajaan Pusat ialah kerana semata-mata hendak mencari faedah politik tetapi jika ini tidak diperhatikan, perkara ini boleh menimbulkan satu suasana yang mungkin boleh merosakkan negeri Sabah sendiri. Tetapi saya percaya perbuatan-perbuatan setengah-setengah pemimpin UPKO ini tidak akan berjaya kerana rakyat Sabah yang taat setia adalah praktikal, mereka sedar yang nasib mereka adalah bergantung sama dengan kaum-kaum lain dan negeri-negeri lain dalam Malaysia yang bermutu dan kuat.

Kerajaan Pusat adalah Kerajaan bagi semua rakyat Malaysia tidak kira bangsa, agama, dan dari mana mereka datang dan berada. Kerajaan Pusat adalah Kerajaan kita semua. Tidak dipunyai oleh orang Malaya, atau orang Sarawak, atau orang Penang, tetapi dipunyai oleh semua rakyat yang berbilang bangsa dan agama dari Perlis hinggalah ke Sabah. Kecaman-kecaman UPKO ini, saya tidak pandang berat sangat, kalau hanya mereka mengecam Kerajaan secara adil dan jujur - tetapi mereka ini sedang berusaha untuk seperti saya kata tadi, memisahkan taat setia rakyat kepada Kerajaan yang ada pada hari ini dan menghasut rakyat supaya bencikan Pegawai-pegawai Kerajaan Pusat, kuasa-kuasa Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah. Dan ini adalah satu perbuatan yang tidak baik apa lagi perbuatan ini timbul bukan kerana UPKO tidak percaya apa yang dibuatnya dan dilaungnya, tetapi semata-mata kerana merajuk, marah kerana kalah pilihanraya dan kerana sebab-sebab ini mereka sanggup melakukan perbuatan-perbuatan yang dulunya mereka sendiri mengagong-agongkan, mempertahankan dan sanjung tinggi sebagai perkara yang bijak dan bagus bagi Sabah.

Semasa Dato Donald Stephen menjadi Ketua Menteri dan semasa Parti UPKO berada dalam Perikatan dan berkongsi kuasa dalam Kerajaan Perikatan di bawah pemerintahan Ketua Menteri Encik Peter Lo dahulu, UPKO tidak menimbulkan perkara-perkara ini, bukan sahaja tidak ditimbulkan tetapi mereka memuji dan mempertahankan Kerajaan Perikatan dan dasar-dasar Kerajaan termasuklah cara dan jaminan-jaminan kemasukan Sabah ke dalam Malaysia dan masalah 20 perkara itu. Tetapi sekarang oleh kerana mereka kalah dalam pilihanraya dan tidak boleh memerintah atau berkongsi memerintah, agaknya

mereka malu, setelah mereka mendapat tahu Parti UPKO telah kalah dan tidak kuat seperti yang dijangkakan mereka dahulu, maka mereka telah berpaling tadah dan telah mulai mengecam perkara yang dulu menjadi sanjungan mereka, sekarang macam budak-budak bersikap: Kalau aku tak dapat, aku akan hancurkan 'doll' atau anak-anakan itu.

Saya suka mengembalikan ingatan UPKO dan Dato' Donald Stephens yang perkara ini telahpun dipersetujui oleh Parti-parti termasuklah UPKO, disahkan oleh Perikatan Sabah yang dipimpin oleh UPKO dan telahpun di masukkan dalam Perlembagaan dengan tidak ada bangkangan dan telahpun dilaksanakan menurut Perlembagaan. Orang yang menandatangani itu ialah Dato' Donald Stephens sendiri. Kenapa '*sign*' kalau perkara itu merugikan seperti yang dituduh hari ini.

Janganlah mencuba menimbulkan masalah-masalah yang telahpun diselesaikan kerana perbuatan ini boleh menyusahkan dan mengelirukan rakyat dan adalah buruk padahnya sesiapa juga yang berbuat demikian.

Soal hak Sabah diambil atau sedang dihilangkan tidak timbul kerana UPKO tidak boleh memberi dalil-dalil yang Kerajaan Pusat telah berbuat demikian dan juga Kerajaan sendiri berpuas hati dengan pelaksanaan Perlembagaan dan yang hak-hak Sabah dihormati oleh Kerajaan Pusat. Kalau perkara ini betul terjadi seperti yang dituduh oleh UPKO dan Dato' Donald Stephens itu, maka saya tahu, orang yang pertama sekali yang akan menyuarakan dan membela hak-hak Sabah ialah Ketua Menteri Sabah, Tun Mustapha dan Dato' Khoo, dan Parti Perikatan Sabah. Mereka yang akan membelanya bukanlah UPKO kerana mereka dalam Kerajaan. Tetapi mereka sangat berpuas hati dengan kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Mereka ini adalah orang-orang yang praktikal dan bijak dan mengerti tentang '*relationship*' antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri dan tentang perlunya kerjasama ini untuk menegakkan sebuah negara yang bersatu, teguh, bahagia, dan yang rakyatnya mempunyai taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Malaysia. Kebanyakan apa yang dituduh oleh UPKO itu adalah hasil daripada salah faham mereka tentang '*implementation*' atau pelaksanaan perlembagaan dalam masalah perkara 20 itu. Contohnya adalah satu berkenaan dengan bantuan-bantuan kepada Agama Islam dan agama lain di negeri Sabah. Saya suka memberitahu yang sesungguhnya wang diberi oleh Kerajaan Pusat untuk mandiri masjid-masjid dan surau-surau di Sabah tetapi Kerajaan Pusat juga memberi wang untuk membantu mendirikan gereja-gereja seperti bantuan gereja Kristian di Tawau dan di tempat-tempat lain lagi. Semua pihak, semua agama mendapat bantuan ini dan ini tidaklah berlawanan dengan semangat Perlembagaan seperti yang dituduh oleh UPKO itu. Ini adalah tidak menyalahkan I.G.C. Report, cubalah UPKO dan pemimpin-pemimpinnya yang pandai itu membaca I.G.C. Report betul-betul, bolehlah saya tolong sedikit supaya senang membacanya - '*paragraph*' 15(3) dalam I.G.C. Report itu di bawah Kepala Agama. Nampaknya UPKO, ini hendaklah menyekat saya dan Kerajaan memberi bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan agama baik, Islam, Kristian, atau Buddha.

UPKO sekarang sedang menyalahgunakan kebebasan yang diberikan kepada mereka dan saya berharap orang-orang yang bijak dalam UPKO, pihak yang moderat dapat mengingatkan tentang tidak bijaknya perbuatan-perbuatan

setengah-setengah pemimpin UPKO itu. Saya dapati dalam UPKO ini ada dua golongan: satu mereka yang moderat dan praktikal, dan satu golongan lagi yang telah dikuasai bukan lagi oleh logik, oleh kenyataan politik tetapi oleh perasaan dan hati. Mereka ini 'extremist' dan 'ultras'. Kata orang-orang Melayu menurutkan hati mati; menurut perasaan binasa, dan saya menyeru kepada orang-orang dan pemimpin-pemimpin UPKO yang moderat supaya mengkaji perbuatan-perbuatan dan dasar UPKO pada hari ini kerana ini akan merugikan bukan sahaja UPKO tetapi juga negara dan perbuatan ini hendaklah diberhentikan atau dibuat dengan lebih berperasaan tanggungjawab dan menghormati kepada kenyataan dan kebenaran.

Tetapi kecaman-kecaman UPKO dan perkara-perkara atau isu-isu yang ditimbulkan oleh UPKO adalah perkara yang sudah selesai atau 'settled issue' dan sengaja dibesar-besarkan.

Kerajaan Pusat akan bersama-sama dengan rakyat dan Kerajaan Perikatan Sabah suka bersama, menangis dan menderita bersama, dan jika tenggelam biarlah kita tenggelam sama-sama, juga, tetapi kita pasti tidak tenggelam jika kita sama-sama bekerja dengan taat setia dan jujur serta ikhlas dan rakyat Sabah menyokong menegakkan Kerajaan Perikatan yang ada sekarang ini - Tuan-tuan tidak ada 'alternative' - lagi kerana itu baiklah sokong Kerajaan ini sepenuhnya.

Dalam masa 4 tahun ini Kerajaan Pusat telah memberi banyak sumbangan dan pengorbanan bagi kejayaan Malaysia dan Sabah. Kerajaan Pusat akan terus berbuat demikian selama-lamanya. Segala usaha yang tidak baik dari luar mahupun dari dalam negeri yang hendak menghancurkan Malaysia; yang hendak memisahkan taat setia rakyat dan hormat mereka kepada Kerajaan Pusat dan negeri-negeri akan ditentang habis-habisan oleh Kerajaan Pusat menggunakan segala kekuatannya untuk menegak dan mengekalkan Malaysia, untuk menjamin perpaduan antara kaum dan keharmonian hidup rakyat Malaysia yang berbilang agama ini. Ada golongan-golongan yang 'minority' yang hendak merosakkan perpaduan rakyat semata-mata kerana hendak mencari keuntungan politik dan sokongan. Janganlah pula mereka sengaja mengelirukan rakyat apa lagi dengan menggunakan agama dan bangasa. Janganlah bermain apa nanti di tangan.

Dalam negara demokrasi seperti negara kita ini, pembangkang pun ada perasaannya dalam pembangunan negara dan usaha-usaha kita hendak melahirkan sebuah bangsa yang mempunyai satu taat setia saja, taat kepada negara ini. Peranan sebuah parti pembangkang itu ialah mengecam secara adil, konstruktif, bukan hanya membangkang kerana sedap membangkang saja. Inilah apa yang dibuat dan sedang dibuat oleh UPKO hari ini dan tuan-tuan dan puan-puan ahli-ahli Perikatan mesti tentang ini dan menasihati rakyat jangan ambil indah sangat apa yang dicakapkan mereka. Dan tuan-tuan dan puan-puan penyokong-penyokong Kerajaan Perikatan sentiasalah cuba menolong rakyat dan memberi teladan yang baik. Dengan cara ini parti-parti pembangkang tidak akan berjaya seperti di Malaysia Barat.

Rakyat Sabah dari semua bangsa masyur kerana taat setia mereka kepada Kerajaan dan saya yakin mereka sentiasa akan taat setia kepada Kerajaan. Pada

hari ini Kerajaan telah di bawah pimpinan Tun Mustapha dan rakyat Sabah mestilah taat kepada Kerajaan Perikatan di bawah pimpinan Tun Mustapha dan janganlah dapat dipengaruhi oleh parti pembangkang UPKO; parti yang tidak memerintah Sabah. Dengarlah perintah!

Rakyat Sabah dan Sarawak masuk Malaysia dengan kehendak mereka sendiri; dengan tidak ada paksaan dan melalui Malaysia Sabah telah mencapai kemerdekaannya dan saya yakin dengan Malaysia Sabah akan hidup atau mati. Masa hadapan Sabah hanya cerah dengan Malaysia; tengoklah saja di sekeliling kita; keadaan dan geografi Sabah jelas, jika tidak bersama dengan Malaysia, Sabah akan berada dalam bahaya. Kita telah wujud bersama-sama selama 4 tahun, dan berama-sama kita dapat mempertahankan kedaulatan Malaysia waktu negara kita diancam oleh konfrontasi Indonesia di bawah pimpinan Soekarno dan PKI dan kita telah berjaya dan bersama-sama kita akan berjaya menegakkan sebuah negara yang maju dan tamadun untuk semua rakyat di mana anak cucu kita boleh hidup dengan aman dan bahagia. Inilah cita-cita kita, cita-cita Kerajaan Pusat, dan Kerajaan Sabah di bawah pimpinan Tun Mustapha.

Saya menyeru supaya rakyat Sabah memberi kerajaan Perikatan sokongan yang hebat dan taat setia yang tidak berbelah bagi. Saya minta rakyat semua janganlah senang dikelirukan oleh Parti-parti Pembangkang dan UPKO. Mereka sekarang bercakap dan mengecam semata-mata kerana hendak mencari faedah politik dan kerana hendak 'boost'kan atau naikkan maruah atau moral ahli-ahlinya dan semata-mata kerana hendak membuat bising. Tuan-tuan sendiri boleh menyaksikan yang sudah banyak perubahan-perubahan dan kemajuan, pembangunan yang telah dicapai di Sabah semenjak Malaysia dan tentang tidak adanya apa-apa tekanan dari Kerajaan Pusat kepada mana-mana kaum atau puak atau agama dalam kehidupan hari-hari di Sabah. Tuan-tuan sendiri boleh menjadi hakim dan janganlah percaya sangat cakap-cakap UPKO ini - ini adalah cakap orang yang sudah keciwa dan merajuk.

Sabah sekarang diperintah oleh Kerajaan Perikatan yang didukung oleh USNO-SCA dan SIC dan Kerajaan ini akan membela nasib tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Mereka akan mempertahankan hak-hak Sabah, bukannya UPKO. Jika apa-apa yang dibuat oleh UPKO itu separuh saja betulnya. Kerajaan Perikatan Sabah di bawah Tun Mustapha, lebih awal lagi akan menjuarakan, membela dan mempertahankan hak-hak itu.

Marilah kita bersama-sama bekerja dan sama-sama melahirkan sebuah negara Malaysia yang kuat, makmur dan bahagia. Menuju ke arah ini, Kerajaan Pusat telah membuat banyak rancangan-rancangan dan menyalurkan wang yang banyak untuk membolehkan negara kita, termasuk Sabah, mencapai cita-cita ini. Semenjak Malaysia ditubuhkan 4 tahun dahulu, Kerajaan telah berikhtiar untuk mempesatkan pembangunan di Sabah dan Sarawak supaya kemajuan di Malaysia Timur akan seimbang dengan Malaysia Barat. Ini sangat mustahak dan syarat yang wajib untuk menjayakan cita-cita ini, kita hendaklah menjadikan Malaysia sebuah negara yang makmur dan bahagia. Semasa Sabah di bawah penjajahan dahulu, hanya sebanyak \$80 million saja dibelanjakan di antara tahun 1961-63 untuk kemajuan dan pembangunan di Sabah. Tetapi semenjak Malaysia, kita telah belanjakan lebih dua kali ganda banyaknya - \$140 million lebih banyak.

Dalam tahun 1963–65 sahaja, Kerajaan Pusat telah belanjakan \$190 million untuk kemajuan negeri Sabah dan memperbaiki taraf ekonomi rakyatnya. Perbelanjaan untuk pelajaran di Sabah dua kali ganda banyaknya; dan tanaman 3 kali banyaknya daripada masa British dahulu. Kita akan terus menolong Sabah dalam segala bidang kehidupan.

Kerajaan Pusat bercadang hendak membuka Lembah Labuk untuk dijadikan tanah padi, kebun koko dan kelapa sawit. Kerajaan Pusat sedang menanti kajian dan fikiran Kerajaan Sabah sahaja lagi. Banyak rakyat yang akan mendapat faedah dari rancangan ini, terutama sekali rakyat bumiputera.

Cita-cita Kerajaan Pusat dan Kerajaan Sabah ialah hendak menolong rakyat bumiputera supaya keadaan mereka boleh diperbaiki lagi dalam semua lapangan hidup. Khasnya dalam lapangan pelajaran dan ekonomi. Kedudukan ekonomi bumiputera boleh diperbaiki melalui pembukaan rancangan-rancangan tanah seperti Lembah Labuk ini. Satu jalanraya yang besar menyambung Jesselton-Sandakan, akan dibina di antara tahun ini dan tahun 1970 dengan bantuan wang dari Australia.

Jalanraya ini akan menolong pembangunan dan kemajuan ekonomi, cukup tanam dan rancangan-rancangan tanah di sepanjang jalanraya itu. Apabila Rancangan Malaysia Yang Pertama ini siap kelak, maka '*cost-of-living*' di Sabah akan turun dengan sendirinya, kerana akan banyak barang-barang makanan akan ditanam di Sabah dan oleh orang-orang Sabah sendiri dan harganya sudah tentu tidak akan mahal lagi kerana jalanraya-jalanraya sudah baik dan buruh-buruh untuk bekerja pun sudah bertambah ramai.

Kerajaan Pusat telah belanjakan lebih daripada cukai yang didapati dari Sabah dan kita tidak kira atau masukkan perbelanjaan-perbelanjaan pertahanan. Ini jelas menunjukkan usaha-usaha Kerajaan Pusat hendak menolong Sabah maju supaya negara kita Malaysia pun turut maju dan makmur. Belanja untuk pembangunan di Sabah adalah yang paling tertinggi sekali di Malaysia pada pukol rata, atau pada tiap-tiap seorang \$690/-, di Malaysia Barat hanya \$450/-seorang. Ini adalah perbelanjaan pembangunan tiap-tiap seorang dalam masa 1966–1970 di bawah Rancangan Malaysia Yang Pertama. Ini menunjukkan yang Kerajaan Pusat jujur dan sedar yang Sabah memerlukan pembangunan yang pesat. Inilah bukti yang Kerajaan Pusat hendak mengisi kemerdekaan bagi faedah rakyat Sabah.